BERJAYA SOMPO INSURANCE

Mazda Premium Insurance

Maklumat Produk Tambahan

Perlindungan Asas :

1) Kerosakan akibat kemalangan atau kebakaran pada kenderaan anda
2) Kecurian kenderaan anda
3) Liabiliti kepada pihak lain untuk kecederaan atau kematian
4) Kerosakan ke atas harta benda pihak lain
5) Kerugian / kerosakan kepada kereta sendiri disebabkan oleh apa-apa bentuk konvulsi alam
6) Perlindungan untuk semua pemandu, dimana tiada kelebihan wajib dikenakan kecuali dimana pemandu yang dibenarkan memandu kereta pada masa kemalangan adalah di bawah umur dua puluh satu (21) tahun, atau memegang lesen memandu percubaan (P) atau belajar memandu (L)
7) Kos Menunda Tanpa Terhad - terhad daripada mana-mana perjalanan menunda tunggal dari lokasi kemalangan atau kerosakan
8) Perlindungan Kemalangan Diri - Sehingga RM100,000 terhadap Orang Yang Diinsuranskan
9) Elaun Kerugian Sepenuh dan Kecurian – 10% daripada jumlah insured tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM5,000
10) Elaun Kesulitan Kemalangan Kereta – RM200 sehari sehingga maksimum lima hari dan pembaikan dilaksanakan di Bengkel yang Dibenarkan oleh Mazda. Ia tidak akan dibayar untuk apa-apa pembaikan atau penggantian cermin depan/belakang atau tingkap atau untuk tuntutan kerugian sepenuhnya, kecurian atau tuntutan kerosakan sendiri Knock for Knock (KfK)
11) Pengecualian daripada Penambahbaikan "Betterment" daripada 5 sehingga 10 tahun.

Pengecualian :

1) Pemandu Tanpa Lesen
Tidak mempunyai lesen memandu yang sah

2) Arak, Dadah dan Bahan-bahan Lain yang Memabukkan
Di bawah pengaruh arak atau minuman keras yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau apa-apa dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan

3) Tuntutan Palsu dan Melampau
Menggunakan cara palsu untuk mendapatkan sebarang manfaat di bawah Polisi

4) Tujuan yang Menyalahi Undang-undang
Tujuan yang menyalahi undang-undang atau cuba menyalahi undang-undang, iaitu melanggar undang-undang jenayah atau undang-undang yang diiktiraf oleh negara di mana Kereta Anda digunakan

5) Penggunaan untuk Tujuan Berlumba dsb.
Mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, pertandingan (selain acara mencari harta karun), rali, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability test*) atau ujian kelajuan; atau di mana-mana litar lumba

6) Penggunaan di Luar Malaysia
Kereta anda digunakan atau dipandu di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam

7) Gagal mengambil Langkah Berjaga-jaga
Contoh :
- meninggalkan Kereta Anda tanpa diawasi atau gagal mengambil langkah berjaga-jaga yang wajar untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan selanjutnya;
- terus memandu Kereta Anda dalam keadaan ia tidak layak digunakan sebelum melakukan sebarang pembaikan
- tidak mengambil tindakan munasabah bagi memastikan Kereta Anda selamat. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada membiarkan Kereta Anda tanpa pengawasan semasa tidak berkunci atau meninggalkan kunci di dalam atau di atas Kereta Anda

8) Risiko Peperangan

- Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, Tindakan Keganasan, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau
- mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang meningkat atau dianggap sebagai suatu kebangkitan, pemberontakan atau rampasan kuasa tentera.

9) Risiko Nuklear

Berkaitan dengan apa-apa cara pengendalian yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan, atau pengendalian bahan radioaktif.

10) Liabiliti Berkontrak

Kami tidak membayar untuk sebarang liabiliti yang timbul daripada sesuatu perjanjian di mana jika tanpa perjanjian tersebut, Kami tidak akan bertanggungjawab.

11) Pemandu Tidak Dibenarkan

Tiada perlindungan jika kereta anda dipandu oleh mana-mana orang selain daripada Pemandu Dibenarkan atau orang yang memandu atas arahan Anda atau dengan kebenaran Anda.

Senarai Penuh Manfaat Tambahan :

Item	Manfaat Tambahan	Premium Tambahan
1	**Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam** Perlindungan untuk kerugian atau kerosakan pada Kereta Anda yang disebabkan oleh: (a) tindakan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk untuk meneruskan mogok atau menentang sekat masuk; (b) tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama dengan orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk atau tidak); (c) tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang untuk menghalang, menyekat atau cuba menghalang atau menyekat mana-mana tindakan ini atau dalam mengurangkan akibat daripadanya.	0.3% daripada Jumlah Diinsuranskan bagi Kenderaan
2	**Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang** Melindungi liabiliti undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang dalam Kereta Anda	RM7.50
3	**Perlindungan Dipertingkatkan untuk Cermin Depan** Melindungi kos untuk menggantikan atau membaiki sebarang kerosakan yang tidak disengajakan pada cermin depan, tingkap atau kaca bumbung Kereta Anda. Jika kaca yang rosak telah dibaiki, perlindungan yang disediakan oleh manfaat ini akan diteruskan dan had asal akan dikekalkan, sehingga maksimum dua (2) pembaikan dalam Tempoh Insurans.	Untuk kenderaan umur 0 hingga 10 tahun : 12.50% daripada jumlah diinsuranskan bagi cermin depan Untuk kenderaan umur atas 10 tahun : 15% daripada jumlah diinsuranskan bagi cermin depan
4	**Perlindungan untuk Aksesori Kenderaan** Perlindungan untuk Aksesori bukan standard bagi kereta anda.	15% daripada Nilai Aksesori
5	**Peralatan Penukaran Gas dan Tangki** Perlindungan untuk kerugian atau kerosakan pada Peralatan Penukaran Gas dan Tangki Kereta Anda.	4.5% daripada Nilai Peralatan dan Tangki

<table>
<tr><td>6</td><td>Liabiliti terhadap Penumpang Di Sisi Undang-undang
Melindungi liabiliti undang-undang untuk mana-mana orang yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau masuk ke dalam atau turun dari Kereta Anda.</td><td>25% daripada premium Pihak Ketiga</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Perluasan Perlindungan ke Thailand
Melindungi Kereta Anda semasa ia digunakan di Negara Thailand.</td><td>20% daripada (premium kasar + semua premium tambahan lain)</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Pampasan NCD
Membayar balik Diskaun Tanpa Tuntutan yang Anda telah hilang kerana tuntutan telah dilakukan.</td><td>15% daripada jumlah premium Kelayakan NCD anda</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Pampasan untuk Pembaikan yang Dianggarkan (CART)
Memberi pampasan kepada anda untuk bilangan hari yang Kami anggar diperlukan untuk membaiki Kereta Anda.</td><td><table><tr><td></td><td></td><td colspan="3">HAD</td></tr><tr><td></td><td>Hari</td><td>50</td><td>100</td><td>200</td></tr><tr><td>CR1P</td><td>Ke-7</td><td>35</td><td>70</td><td>140</td></tr><tr><td>CR2P</td><td>Ke-14</td><td>70</td><td>140</td><td>280</td></tr><tr><td>CR3P</td><td>Ke-21</td><td>105</td><td>210</td><td>420</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>10</td><td>Motor EV Pek
Faedah di bawah Motor EV Pek seperti di bawah:-

(ii) Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai

(iii) Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang

(iii) Kos Menunda Tanpa Terhad – Kenderaan Elektrik

(iv) Perlindungan Kemalangan Diri untuk pemegang polisi – RM100,000

(v) Perlindungan Pengecas Dinding Rumah EV – sehingga RM15,000

(vi) Liabiliti Peribadi – RM50,000

(vii) Perlindungan terhadap Hilang Kegunaan Kereta Anda - RM200 sehari, sehingga maksimum lima (5) hari untuk tempoh pembaikan yang disyorkan oleh Ajuster Kami</td><td>RM150.00</td></tr>
</table>

Bayaran Premium:

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah diinsuranskan bagi kenderaan, isian padu, kelayakan tuntutan tanpa diskaun (NCD) dan kriteria pengunderaitan lain yang dikenakan oleh Berjaya Sompo Insurance Berhad, sebagai contoh, umur pemegang polisi, umur kenderaan, dsb.

Nilai Pasaran:

Ini merujuk kepada kos yang munasabah untuk membeli kereta lain yang mempunyai buatan, model, umur dan keadaan yang sama dengan kenderaan anda pada masa kerugian berlaku. Nilai pasaran kenderaan anda akan ditentukan berdasarkan pilihan anda semasa membeli polisi. Jika anda memilih Sistem Penilaian Pasaran yang diluluskan oleh Persatuan Insurans AM Malaysia (PIAM), maka nilainya adalah berdasarkan sistem tersebut. Jika tidak, nilainya akan ditentukan oleh ibu pejabat pemegang francais kereta. Jika nilai ini tidak disediakan, adjuster yang dipersetujui oleh anda dan syarikat insurans akan menentukan nilai tersebut.

Nilai yang Dipersetujui:

Nilai yang dipersetujui adalah jumlah yang telah ditetapkan selepas perbincangan dan persetujuan antara anda dan syarikat insurans anda apabila anda membeli atau memperbaharui polisi. Ia memberi kepastian tentang pampasan yang akan diterima oleh anda daripada syarikat insurans anda, ditolak sebarang lebihan (jika berkenaan), jika kereta anda dicuri atau musnah sepenuhnya. Dalam keadaan sedemikian, nilai pasaran kenderaan anda pada waktu kerugian tidak akan diambil kira.

Insurans Terkurang:

Jika anda menginsuranskan kenderaan anda pada jumlah lebih rendah daripada nilai pasarannya, anda dianggap sebagai menanggung perbezaan tersebut, iaitu sekiranya berlaku kerugian/kerosakan, anda hanya akan diberi pampasan sebahagian (sehingga bahagian yang diinsuransksn) oleh syarikat insurans anda.

Insurans Terlebih:

Sekiranya anda menginsuranskan kenderaan anda pada jumlah lebih tinggi daripada nilai pasarannya, pampasan maksimum yang anda akan terima ialah nilai pasaran kenderaan kerana pemilik polisi tidak boleh ‘mengaut keuntungan’ daripada tuntutan insurans kenderaan.

Pembatalan Polisi:

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan membayar balik premium mengikut *Kadar Jangka Pendek Lazim tertakluk kepada bayaran premium sekurang-kurangnya RM50.00 yang perlu dibayar di bawah Polisi, Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik jika tuntutan telah dibuat ke atas Polisi.

*Kadar Jangka Pendek Lazim

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada jumlah premium
Melebihi 8 bulan	Bayaran balik premium tidak dibenarkan